

REKA BENTUK PROFIL AMALAN TERBAIK PENGURUSAN DISIPLIN MURID

Noorazma Hamzah

Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Kuala Krai, Kuala Krai, Kelantan

*noorkimi74@yahoo.com

Muhammad Faizal A. Ghani

Norfariza Mohd Radzi

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Misyati Amat Sehab

Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang, Selangor

ABSTRACT

The systematic management of student discipline has given rise in recent years to a discussion of the need for student discipline. Managing student discipline is done differently in each school because of different challenges, and capabilities. Therefore, this research was carried out to develop a best practice profile in managing student discipline effectively. Relevant models and circulars were applied as a conceptual framework for this study: The ADDIE Model by Malenda (2003), Organizational Theory by Richard L. Daft (2003) and Professional Education Circular Letter of the Ministry of Education Malaysia (KPM). Based on the ADDIE Model, one phase was used in developing the profile. This was the development phase, a three-round Delphi method was started by interviewing nine experts whose experiences in student discipline management were greater than 10 years. The output of this round, which was analyzed using the thematic analysis method, was used to develop items for the questionnaire which was used for other rounds of this phase. A total of 213 items were successfully quoted and categorized according to their respective sub-themes. For these rounds, data were analyzed using the Centralized Conduct Measurement (UKB) which included descriptive statistics like mean, median and Inter-Quartile Range. This phase found four main themes in managing student discipline efficiently and effectively, namely, planning, implementation, leadership, and control. The results of this study may assist schools, particularly, their school leaders, to manage student discipline using the ideas of local experts.

Keywords: Development, Best Practice, Student Discipline, Management

PENGENALAN

Organisasi pendidikan merupakan organisasi terpenting dalam sesebuah negara. Ia bukan sahaja menjadi indikator kepada kedudukan tahap pembangunan negara, tetapi juga sebagai indikator kepada hala tuju pembangunan negara pada masa hadapan. Sekolah merupakan wadah pendidikan yang sentiasa berusaha untuk memperkembang potensi individu dari segi jasmani, emosi, rohani, sosial dan intelektual serta dapat memberi sumbangan yang bermakna kepada pembangunan serta kesejahteraan kepada masyarakat dan negara. Pembentukan disiplin di sekolah adalah sama penting dengan penyebaran ilmu pengetahuan (Omarin Ashaari, 2007).

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melaksanakan danewartakan beberapa peraturan dan perundangan dalam pendidikan bagi menghasilkan sebuah sistem pendidikan yang berkualiti bagi mewujudkan keseimbangan peribadi dalam kalangan murid. Suffean Hussein (1996) bersependapat dengan kenyataan tersebut menerusi pandangan beliau bahawa matlamat utama penggubalan sesebuah peraturan dalam pendidikan bertujuan memimpin murid ke arah pembentukan peribadi yang berintelektual di samping keseimbangan jasmani, emosi dan keteguhan rohani. Mohd Saleh Lebar (1998) menyetujui kenyataan tersebut dengan merumuskan usaha Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mencipta pelbagai motto pada setiap tahun seperti *zero defect* adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (P&P) di sekolah (Azizah Lebai Nordin, 2002) menerusi pembentukan keperibadian murid bagi membolehkan P&P berlaku dengan berkesan (Docking dalam Azizah Lebai Nordin, 2002).

Bertitik tolak daripada fenomena di atas, maka perlunya sebuah kajian bagi mengenal pasti formula terbaik untuk mengatasinya. Sehubungan dengan itu kita memerlukan buku panduan atau sebuah profil untuk memantapkan pengurusan disiplin di sekolah. Panduan serta maklumat yang tepat dan terkini adalah penting diselaraskan dalam menangani masalah disiplin murid yang agak meruncing kebelakangan ini. Lantaran itu, kajian ini dilaksanakan untuk merekabentuk sebuah profil amalan terbaik untuk pengurusan disiplin murid. Rekabentuk profil tersebut adalah berdasarkan kesepakatan pandangan dalam kalangan individu yang telah dikenal pasti kepakaran mereka dalam bidang pengurusan disiplin murid.

PENYATAAN MASALAH

Matlamat pendidikan di Malaysia bertujuan membentuk golongan murid yang cemerlang serta seimbang dari segi emosi, intelek, jasmani dan sosial (JERIS). Murid mampu menjadi warga sekolah yang cemerlang jika memiliki disiplin diri yang baik dan kuat. Masalah disiplin merupakan isu pendidikan dan isu global yang sentiasa mendapat perhatian umum. Kes pelanggaran disiplin masih banyak dilaporkan dan sesetengahnya adalah pada tahap yang amat membimbangkan (Mohd Ismail Othman, 2006). Kajian oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia dengan kerjasama Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Malaysia menunjukkan murid lebih cenderung untuk terbabit dalam aktiviti kurang sihat seperti merempit dan gengsterisme. Kementerian telah mengambil pelbagai pendekatan bagi mengatasi masalah disiplin murid iaitu dengan mengadakan kursus jati diri bagi murid bermasalah; kursus penguatkuasaan undang-undang dan peraturan untuk guru dan pengawas bagi pemantapan disiplin murid di masa depan. Selain itu penggunaan Sistem Salah Laku Disiplin Murid (SSDM) dan *e*-disiplin diperluaskan bagi meningkatkan pemantauan masalah disiplin murid di sekolah.

Menurut Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), statistik buang dan dera bayi di seluruh negara semakin meningkat setiap tahun. Sebagai contoh, statistik buang bayi di seluruh negara pada tahun 2005-2010 mencatatkan Selangor sebagai negeri tertinggi iaitu sebanyak 571 kes sehingga Disember 2010, diikuti oleh Johor sebanyak 113 kes. Kebanyakan mereka yang terlibat dalam kes-kes sebegini terdiri daripada remaja belasan tahun yang masih di bangku sekolah. Jika tidak dipantau dari awal, kemungkinan besar lebih ramai lagi yang akan terjebak dalam gejala sosial yang tidak sihat ini. Daripada gambaran di atas, dapat kita rumuskan bahawa tahap disiplin murid sekolah hari ini, berada dalam keadaan genting dan membimbangkan. Bagi Kamsiah Salleh (2006) guru-guru dan ibu bapa adalah agen sosial yang paling dekat dengan kanak-kanak. Guru adalah idola dan model kanak-kanak semasa berada di sekolah dan merupakan agen pembentukan budaya dalam kalangan murid. Tugas guru bukan sekadar mengajar, tetapi juga mendidik untuk membentuk dan memupuk sikap, nilai dan akhlak yang baik dalam diri setiap murid. Kepatuhan kepada disiplin perlu lahir dalam diri murid itu sendiri dan bukannya datang secara paksaan. Misalnya, sukar untuk mewujudkan persekitaran sekolah yang kondusif (Alias Musa, 2005; Mohd Saleh Lebar, 1998).

Pihak pengurusan sekolah terutamanya pengetua harus bijak dalam mengatur strategi untuk mencari formula yang terbaik dalam menangani masalah disiplin dalam kalangan murid. Mereka berhak mendapat bimbingan dan didikan disiplin sendiri yang bersepadu serta terancang untuk menjadi insan yang berjaya. Lantaran itu, perlu bagi kita membina satu mekanisme dalam bentuk profil sebagai panduan pihak sekolah menyelesaikan masalah disiplin. Profil tersebut juga perlu mengambil kira pandangan individu atau kumpulan tempatan yang mempunyai tahap kepakaran yang tinggi dalam bidang berkaitan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mencapai hasrat tersebut

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk merekabentuk profil amalan terbaik pengurusan disiplin murid.

SOALAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk menjawab soalan berikut.


- (a) Sejauhmanakah kesepakatan pandangan panel pakar mengenai ciri-ciri utama untuk menguruskan disiplin murid secara cekap dan berkesan.
- (b) Sejauhmanakah kesepakatan pandangan panel pakar mengenai strategi untuk menguruskan disiplin murid secara cekap dan berkesan.

KERANGKA KONSEPTUAL

Masyarakat sering menghentam warga pendidik khususnya guru-guru apabila terpacung di media massa berkaitan isu-isu disiplin yang melibatkan murid sekolah. Guru dipersalahkan, tanpa meneliti apa dan sebab permasalahan yang berlaku. Disiplin adalah salah satu komponen penting dalam sistem persekolahan yang merangkumi tata tertib, tatasusila, akhlak, keadaan serta kesopanan murid. Ianya sejajar dengan sistem pendidikan yang semakin mencabar di era millenium ini (Abdullah Sani Yahya, 2004). Kendall (2001) menyatakan, kawalan sosial merujuk kepada amalan sistematik yang dihasilkan oleh kumpulan sosial bagi masyarakat mematuhi undang-undang, peraturan, norma untuk menghalang salah laku. Pengawasan dilakukan melalui kepatuhan kepada undang-undang dan peraturan yang dipersetujui oleh sistem sosial.

McNamara (2004) menegaskan bahawa masyarakat perlu ada satu garis panduan yang boleh di terima umum sebagai kerangka kerja, profil, model atau teori agar tindakan yang dilaksanakan adalah terkawal dan mampu mencapai matlamat yang di hajat. Sehubungan dengan itu, kajian ini menggunakan kerangka teori iaitu Model ADDIE (*Analysis-Design-Development-Implementation-Evaluation*) oleh Michael Molenda (2003), Teori Organisasi oleh Richard L. Daft (2003) dan Surat Pekeliling Ikhtisas daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sebagai kerangka teoritikal kajian ini. Model ADDIE oleh Michael Molenda (2003) yang menjadi salah satu kerangka teori kajian ini digunakan untuk menganalisis pembentukan model kajian dan mengenal pasti apakah reka bentuk profil yang terbaik untuk pengurusan disiplin murid di sekolah. Model ADDIE telah diperkenalkan pada pertengahan tahun 60-an dan telah menjadi panduan untuk merekabentuk program latihan tertentu bagi anggota tentera Amerika Syarikat. Mereka telah berjaya membina sebuah kerangka kerja yang dipanggil “Intenservice Procedures for Instructional Systems Development” atau IPISD, dengan memperkenalkan lima prosedur utama iaitu analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan kawalan (ADDIC).


Selanjutnya, Model ADDIE dijadikan asas pembinaan kerangka kerja dalam kajian ini disebabkan proses kawalan yang berlaku secara berterusan di setiap peringkat. Model ini mengandungi prosedur yang sistematik, dinamik dan fleksible dan saling memerlukan di setiap peringkat. Dengan perkataan lain, pengkaji boleh melihat kekuatan dan kelemahan hasil kajian di setiap peringkat secara langkah demi langkah (Kruse, 2006). Rajah 1, menunjukkan Model ADDIE serta peringkat-peringkatnya.



Rajah 1. Model ADDIE (*Analysis- Design-Development-Implementation-Evaluation*) Sumber. T. McDonald & L. Zeiter (2005). ADDIE Goes To Russia. (<http://jasonmacillas.tripod.com/UNIHerzenfeminarHandbook.pdf>)

Selanjutnya Teori Pengurusan Organisasi oleh Henri Fayol (1845-1925) yang kemudian telah dikembangkan oleh Richard L. Daft (2003), turut digunakan sebagai dasar kerangka kajian untuk membina profil pengurusan disiplin murid. Menurut Fayol, asas-asas pengurusan terdiri daripada 5 fungsi atau proses khusus iaitu perancangan, penyusunan, pengarah, penyalarsan, dan pengawalan. Kandungan asas untuk membentuk protokol temubual kajian ini juga berasaskan Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) yang membincangkan tentang pengurusan disiplin murid di sekolah yang melibatkan proses perancangan, pelaksanaan, kepimpinan dan pengawalan. Dalam kajian ini, Model ADDIE, Teori Pengurusan Organisasi dan Surat Pekeliling Ikhtisas KPM telah digunakan sebagai dasar untuk membina senarai profil amalan terbaik untuk menguruskan disiplin murid, serta membina strategi untuk menyelesaikan masalah disiplin murid. Untuk kajian ini hanya dua peringkat diguna pakai iaitu peringkat analisis dan peringkat rekabentuk.

Seterusnya, satu kerangka konseptual kajian telah dibentuk hasil dari proses pengubahsuaian dan kesepaduan terhadap Model ADDIE, seperti dalam Rajah 2.



Rajah 2 : Kerangka Konseptual Kajian

Rajah 2 menunjukkan kerangka konseptual kajian iaitu peringkat menganalisis dan merekabentuk.

METODOLOGI

Bahagian ini menerangkan aspek berikut.

Reka Bentuk Kajian


Reka bentuk kajian merupakan suatu perancangan yang terperinci berkaitan dengan prosedur mengumpul dan menganalisis data (Zikmund, 2003) serta melibatkan proses membuat keputusan berdasarkan objektif kajian, tempat kajian, jenis kajian, reka bentuk persampelan, kaedah pengumpulan, pengukuran dan penganalisan data (Muhammad Faizal A. Ghani, 2007). Pemilihan metodologi kajian ini berdasarkan dua peringkat seperti mana berikut untuk mengutip data iaitu:

Peringkat Pertama

Peringkat ini melibatkan kaedah kualitatif berbentuk temubual bagi mengutip data dalam kalangan individu yang mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam bidang pengurusan murid berdasarkan konteks di Malaysia. Patton (2002) menyetujui kaedah tersebut dengan menjelaskan kaedah temubual berupaya menerokai dan memahami fenomena sesuatu kajian dengan lebih mendalam. Dalam peringkat ini pemilihan peserta kajian merupakan aspek utama yang menentukan kejayaan sesebuah kajian. Dalam kajian ini, peserta kajian adalah dalam kalangan pakar untuk mendapatkan kesepakatan mereka mengenai masa depan tanpa sebarang pengaruh peribadi (Saedah Siraj, 2008).

Peringkat Kedua

Peringkat kedua melibatkan Teknik Delphi sebanyak dua sesi pusingan. Kedua-dua sesi pusingan ini melibatkan kaedah kuantitatif. Bagi kajian Delphi, pemilihan peserta kajian adalah dalam kalangan mereka yang mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam bidang pengurusan murid. Rajah 3 menunjukkan peringkat dalam reka bentuk kajian.



Rajah 3. Reka Bentuk Kajian

Peserta Kajian

Pemilihan peserta bagi kajian ini melibatkan individu yang mempunyai kemahiran dan kepakaran yang tinggi dalam bidang pengurusan murid. Menurut Martino (1983), seseorang individu yang pakar memiliki pengetahuan yang mendalam dalam bidang masing-masing. Namun begitu, individu lain juga memiliki kepakaran mereka yang tersendiri dalam bidang yang mereka ceburi. Oleh yang demikian, seseorang itu tidak boleh mengaku yang diri mereka adalah pakar, dengan mengenyepikan orang lain sebagai pakar. Bagi mengatasi masalah ini, maka kriteria-kriteria tertentu perlu dikenalpasti bagi menentukan seseorang itu layak diiktiraf sebagai pakar (Ludwig, 1997; Wicklein, 1993). Menurut Frankel dan Wallen (2006), Gay dan Airasian (2000) syarat utama menjadi peserta mestilah secara

sukarela dan bersetuju secara peribadi untuk terlibat dalam kajian. Bagi kajian ini, antara kriteria yang diguna pakai dalam memilih pakar kajian ialah:

1. Individu terbabit mempunyai pengalaman melebihi 10 tahun dalam bidang pengurusan murid; dan
2. Individu terbabit secara sukarela terbabit dalam ketiga-tiga sesi pusingan kajian Delphi.

Berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan itu, maka seramai 9 orang peserta kajian telah dipilih dan gambaran mengenai mereka dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1

Lama Berkhidmat Dalam Bidang Pengurusan Pendidikan

Gelaran Jawatan	Pengalaman Dalam Pengurusan Sekolah (tahun)				Jumlah
	< 10 tahun	10-15 tahun	16-20 tahun	>20 tahun	
Pensyarah Universiti Awam				2	2
Pengetua				1	1
Guru Besar			1		1
Kaunselor		1			1
Penolong Kanan HEM		1			1
Ketua Guru Disiplin			1	2	3
Jumlah (Peserta)		2	2	5	9

Jadual 1 menunjukkan seramai 5 orang peserta kajian memiliki pengalaman dalam bidang pengurusan murid melebihi 20 tahun dan individu terbabit adalah 2 orang Pensyarah Universiti Awam (UA), Pengetua (1) dan Ketua Guru Disiplin (3). Selebihnya, 2 orang peserta kajian memiliki pengalaman diantara 16 sehingga 20 tahun yang melibatkan Guru Besar (1), dan Ketua Guru Disiplin (1). Sementara itu, hanya 2 orang peserta kajian iaitu Kaunselor (1), Penolong Kanan HEM (1) yang memiliki pengalaman diantara 10 hingga 15 tahun dalam bidang pengurusan murid.

Prosedur Kutipan Data

Data dalam kajian ini dikumpul berdasarkan dua peringkat seperti mana berikut.

Peringkat Pertama

Dalam peringkat ini, proses pengumpulan data dilaksanakan menerusi aktiviti tinjauan terhadap bahan-bahan literatur yang bertujuan untuk membina protokol temubual Selanjutnya, protokol temubual yang telah dibentuk, disahkan kesahan kandungan oleh dua orang pakar dalam bidang pengurusan murid.

Peringkat Kedua

Dalam peringkat kedua, kajian Delphi melibatkan tiga pusingan telah dilaksanakan bagi merekabentuk profil amalan terbaik untuk pengurusan disiplin murid berdasarkan kesepakatan pandangan sembilan (9) orang individu pakar. Sebelum kajian dimulakan, pengkaji terlebih dulu memohon kebenaran daripada pihak Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pelajaran Malaysia, bagi melibatkan mereka dalam kajian ini. Penerangan mengenai peringkat kedua adalah seperti berikut.

(a) Pusingan Pertama

Kaedah temubual berstruktur telah digunakan dalam sesi pertama kajian Delphi. Protokol temubual yang telah dibina pada peringkat pertama telah digunakan sebagai panduan bagi menemubual setiap peserta

kajian. Seterusnya, dapatan tembual telah dijadikan asas untuk membina item-item dalam instrumen soal selidik yang akan digunakan selanjutnya dalam sesi pusingan kedua.

(b) Pusingan Kedua

Dalam sesi pusingan kedua, para peserta kajian dikehendaki berinteraksi dengan instrumen soal selidik yang telah dibina dalam sesi pusingan pertama kajian Delphi. Oleh yang demikian, pengkaji telah menemui setiap peserta kajian untuk menerangkan tentang kaedah menjawab item-item dalam instrumen, seperti mana berikut:

1. Peserta kajian dikehendaki menentukan tahap persetujuan mereka terhadap setiap item yang telah dikemukakan menerusi skala Likert 5 poin; dan
2. Peserta dikehendaki mengenal pasti dan membangunkan kandungan instrumen tersebut menerusi penambahan sebarang cadangan juga perincian pernyataan bagi setiap item dalam instrumen soal selidik.

(c) Pusingan Ketiga

Seterusnya, dalam sesi pusingan ketiga kajian Delphi, yang merupakan proses kesinambungan sesi pusingan kedua dari aspek penggunaan instrumen soal selidik dimana kajian lapangan yang dijalankan bertujuan untuk mencapai kesepakatan pandangan dalam kalangan peserta kajian. Ia dijalankan menerusi pernyataan semula terhadap tahap persetujuan mereka ke atas item-item yang sedia ada dan baru berdasarkan skala Likert 5 poin. Bagi item yang sedia ada, sekiranya tahap persetujuan mereka menjangkau pandangan majoriti dalam sesi sebelumnya, maka mereka perlu memberikan alasan. Namun, mereka tidak dibenarkan lagi menambah sebarang cadangan atau item dalam sesi pusingan ini. Ringkasnya, kajian Delphi dalam sesi pusingan ini bertujuan merapatkan jurang perbezaan pandangan dalam kalangan panel pakar.

Analisis Data

Penganalisan data dalam kajian ini berdasarkan peringkat berikut.

Data Temubual

Semua data kuantitatif dan kualitatif perlu direkod, dilaporkan samaada dalam bentuk perkataan, angka, graf atau carta agar maklumat yang hendak disampaikan mudah difahami (Ary, Jacobs dan Razavieh, 2004; Fraenkel & Wallen, 2006). Bagi tujuan kajian ini, data temubual dianalisis menggunakan pandangan Merriam (2002) yang melibatkan pengkodan data temubual, menyusun data ikut kekerapan, pembentukan graf serta pengujian item bagi meningkatkan kefahaman pengkaji dan melaporkan hasil kajian kepada umum. Data yang penting atau signifikan dengan kajian kemudian diklasifikasikan ke dalam unit-unit yang dinamakan *segmenting* serta dikategorikan ke dalam tema dan sub tema bagi memudahkan pembentukan item-item soal selidik. Data terbabit kemudian dipamerkan dalam bentuk kekerapan dimana pengkaji telah menyusun tema dan sub tema berdasarkan keutamaan (*ranking*) dalam kalangan sembilan orang peserta kajian terhadap fenomena kajian. Selanjutnya tema dan subtema tersebut telah dijadikan asas untuk membina item-item dalam instrumen soal selidik berskala Likert 5 poin yang dikelompokkan seperti mana berikut iaitu “Perancangan” mempunyai 115 item, “Pelaksanaan” mempunyai 61 item, “Kepimpinan” mempunyai 6 item dan “Penilaian” mempunyai 31 item.

Data Kuantitatif

Data jenis ini menggunakan kaedah statistik deskriptif iaitu min, median dan Julat Antara Kuartil (JAK) kerana Sackman (1975) berpendapat kajian Delphi adalah kaedah kuantitatif yang mengukur

kecenderungan memusat setiap item. Skor min adalah untuk melihat urutan (ranking) kepentingan item-item. Skor median pula digunakan untuk mengenalpasti tahap persetujuan pandangan dalam kalangan panel pakar terhadap item soal selidik dalam sesi pusingan pertama dan kedua kajian Delphi. Tahap persetujuan tersebut telah digunakan dalam kajian Faridah Abdullah (2005) dan telah diubahsuai untuk kegunaan kajian ini seperti Jadual 2.

Jadual 2

Tahap Persetujuan Ke Atas Item

Skor Median	Tahap Persetujuan
4.5 – 5.	Sangat Setuju
3.5 – 4.49	Setuju
2.5 – 3.49	Setuju Pada Tahap Sederhana
1.00 – 2.49	Tidak Setuju

Berdasarkan Jadual 2, tahap pandangan panel pakar dikategorikan sebagai “Sangat Setuju” sekiranya dapatan penganalisisan data menghasilkan skor median pada nilai antara “4.5 hingga 5”. Selanjutnya pandangan mereka dikategorikan “Setuju” sekiranya skor mediannya adalah antara “3.5 hingga 4.49”. Seterusnya, “Setuju Pada Tahap Sederhana” apabila mediannya berada pada tahap “2.5 hingga 3.49”. Sekiranya nilai median adalah antara “1.00 hingga 2.49” maka sesuatu item tersebut berada pada kategori “Tidak Setuju”.

Sementara itu skor JAK digunakan untuk mengukur tahap kesepakatan pandangan dalam kalangan panel pakar seperti mana telah digunakan oleh pengkaji kajian Delphi tempatan dan luar negara iaitu Faridah Abdullah (2005) serta Williams, Boone dan Kingsley (2004), telah diubah suai bagi keperluan kajian ini iaitu:

Jadual 3

Tahap Kesepakatan Ke Atas Item

Skor Julat Antara Kuartil	Tahap Kesepakatan
0 – 1	Kesepakatan Yang Tinggi (ST)
1.01 – 1.99	Kesepakatan Yang Sederhana (SS)
> 2	Tiada Kesepakatan

Berdasarkan Jadual 3, tahap kesepakatan pandangan yang tinggi dalam kalangan panel pakar telah dicapai sekiranya skor JAK berada antara “0–1”. Tahap kesepakatan pandangan pakar yang berada pada tahap skor JAK “1.01–1.99” dikategorikan sebagai kesepakatan yang sederhana. Manakala tiada kesepakatan pandangan dalam kalangan pakar sekiranya skor JAK adalah sama dan melebihi nilai 2.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini dikemukakan dengan membentangkan kesepakatan pandangan dalam kalangan sembilan orang peserta kajian mengenai ciri-ciri utama dan strategi untuk menguruskan disiplin murid secara cekap dan berkesan.

Profil Amalan Terbaik Pengurusan Disiplin Murid

Untuk membentuk profil pengurusan disiplin murid yang cekap dan berkesan, maklumat mengenai ciri-ciri utama tersebut telah diperolehi menerusi maklum balas daripada setiap peserta kajian dalam setiap sesi pusingan kajian Delphi. Dalam sesi pusingan pertama, data di analisis menggunakan kaedah penganalisan data kualitatif dan dapatannya digunakan bagi membentuk item-item soal selidik yang akan digunakan untuk pusingan seterusnya. Data yang telah dikutip kemudian dianalisis menggunakan Ukuran Kecenderungan Berpusat yang melibatkan pengiraan min, median dan JAK.

Bilangan pusingan kajian Delphi telah dihentikan setakat sesi pusingan tiga kerana dapatan penganalisan data telah menemui tahap kesepakatan yang tinggi dalam kalangan majoriti peserta kajian untuk menyetujui kesemua ciri utama pengurusan disiplin secara cekap dan berkesan serta strategi untuk melaksanakan ciri-ciri tersebut apabila bacaan skor JAK=0 dan skor M=5. Lantaran itu, dalam pusingan ketiga dapatan kajian Delphi telah berjaya merekabentuk sebuah Profil Amalan Terbaik Untuk Pengurusan Disiplin Murid. Ia mengandungi 4 ciri utama pengurusan disiplin murid dan sebanyak dua ratus tiga belas item untuk melaksanakan ciri-ciri utama terbabit berdasarkan skala-skala “Tahap Kesepakatan Yang Tinggi” dan “Sangat Setuju” (JAK=0 dan M=5), skala-skala “Tahap Kesepakatan Yang Tinggi” dan “Sangat Setuju” (JAK=1 dan M=5), serta skala-skala “Tahap Kesepakatan Yang Tinggi” dan “Sangat Setuju” (JAK=1 dan M=4). Berikut adalah huraian mengenai reka bentuk profil terbabit berdasarkan skala-skala, tema dan sub tema.

A. Perancangan

Perancangan melibatkan sub-tema berikut:

(I) Struktur Pengurusan Disiplin Murid

Majoriti peserta kajian telah bersetakat terhadap dua puluh satu strategi struktur pengurusan disiplin murid berpandukan skala-skala “Tahap Kesepakatan Yang Tinggi” dan “Sangat Setuju” (JAK=0 dan M=5), serta skala-skala “Tahap Kesepakatan Yang Tinggi” dan “Sangat Setuju” (JAK=1.5 dan M=4) “Tiada kesepakatan” dan “Setuju Pada Tahap Sederhaan” (JAK >2 dan M=2).

“Tahap Kesepakatan Yang Tinggi” dan “Sangat Setuju” (JAK=0 dan M=5)

Sebanyak dua puluh satu strategi seperti mana berikut yang telah disepakati pada tahap yang tinggi untuk sangat menyetujuinya bagi dijadikan kandungana profil pengurusan disiplin murid iaitu:

- Keperluan mewujudkan Jawatankuasa Unit Pengurusan Disiplin Sekolah di bawah Unit Hal Ehwal Murid (HEM)
- Ketua Pengurusan Disiplin Sekolah (PDS) berperanan untuk memantau dan menasihati guru disiplin
- Pengetua mempunyai autoriti untuk melantik Ahli Jawatankuasa Pengurusan Disiplin Sekolah (PDS)
- Guru agama hendaklah menganggotai Pengurusan Disiplin Sekolah (PDS)
- Peranan Pengurusan Disiplin Sekolah (PDS) untuk mendidik dan bukan hanya menghukum
- Struktur Pengurusan Disiplin Sekolah (PDS) terdiri daripada Unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK), Unit Disiplin Sekolah (UDS) dan Lembaga Tatatertib Sekolah (LTS)
- Agenda mesyuarat Unit Disiplin Sekolah (UDS) perlulah membincangkan masalah dan program peningkatan disiplin murid
- Jawatankuasa Unit Disiplin Sekolah (UDS) menguatkuasakan peraturan sekolah

- Jawatankuasa Pengurusan Disiplin Sekolah (PDS) memantau penguatkuasaan Unit Disiplin Sekolah (UDS)
- Lembaga Tatatertib Sekolah (LTS) akan bermesyuarat apabila wujud kes disiplin yang serius dan ianya perlu berkala
- Pelantikan guru disiplin dicadangkan oleh Ketua Unit Disiplin Sekolah sebelum dipersetujui oleh pengetua
- Unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK) merupakan agen perawat kepada kes disiplin murid misalnya Program Sekolah Selamat (PSS)
- Sistem perekodan kes disiplin murid di Unit Disiplin Sekolah (UDS) dan Unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK) hendaklah selari
- Pengetua harus berpengetahuan tinggi mengenai Akta Kanak-kanak agar Pengurusan Disiplin Sekolah (PDS) berjalan lancar
- Kerjasama dalam kalangan guru disiplin amat perlu
- Murid yang bermasalah perlu dirujuk ke UBK seawal mungkin
- Guru perlu tahu prosedur tindakan disiplin dan polisi disiplin sekolah masing-masing
- Unit Disiplin Sekolah (UDS) perlu mempunyai fail pengurusan yang lengkap
- Pengetua berperanan penting dalam setiap struktur pengurusan disiplin murid
- Setiap mesyuarat perlu dipengerusikan oleh pengetua
- Setiap tindakan kes berat terhadap murid perlu mendapat persetujuan daripada pengetua

“Tahap Kesepakatan Yang sederhana” dan “Setuju” (JAK=1.5 dan M=4)

Terdapat tiga strategi struktur pengurusan disiplin murid yang telah dipersetujui dan disepakati pada tahap yang sederhana untuk dijadikan kandungan profil pengurusan disiplin murid iaitu:

- Ahli Unit Bimbingan dan Kaunseling menerima perlantikan daripada Pejabat Pelajaran Daerah (PPD)
- PIBG perlu dilibatkan dalam Pengurusan Disiplin Sekolah (PDS)
- Guru dan pentadbir perlu berpengetahuan luas mengenai pekeliling

“Tiada kesepakatan” dan “Setuju Pada Tahap Sederhaan” (JAK >2 dan M=2)

Terdapat lima strategi struktur pengurusan disiplin murid yang tidak sepakat untuk dipersetujui oleh peserta kajian:

- Wujud dua orang Ketua Guru Disiplin pada setiap sesi persekolahan dalam setiap Unit Disiplin Sekolah (UDS)
- Unit Disiplin Sekolah (UDS) perlu bermesyuarat melebihi tiga kali setahun
- Unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK) perlu bermesyuarat melebihi tiga kali setahun
- Biro Unit Disiplin Sekolah (UDS) bermesyuarat sebulan sekali
- Unit Disiplin Sekolah (UDS) dan Unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK) bekerjasama untuk menguruskan disiplin murid

(II) Program Perkembangan Sahsiah Murid

Majoriti peserta kajian telah bersetakat terhadap empat puluh enam strategi bagi melaksanakan program perkembangan sahsiah murid berpandukan skala-skala “Tahap Kesepakatan Yang Tinggi” dan “Sangat Setuju” (JAK=0 dan M=5) dan skala-skala “Tahap Kesepakatan Yang Sederhana” dan “Sangat Setuju” (JAK=1.5 dan M=5).

“Tahap Kesepakatan Yang Tinggi” dan “Sangat Setuju” (JAK=0 dan M=5)

Kesemua empat puluh enam strategi bagi melaksanakan program perkembangan sahsiah murid telah disepakati pada tahap yang tinggi untuk sangat menyetujuinya agar dijadikan kandungan profil pengurusan disiplin murid secara cekap dan berkesan iaitu:

- Program perkembangan sahsiah murid bertujuan untuk mencegah masalah disiplin murid (misalnya kem jati diri)
- Program mentor-mentee bertujuan untuk memulih masalah disiplin murid
- Program perkembangan sahsiah murid bertujuan untuk mengawal salah laku murid
- Program perkembangan sahsiah murid bertujuan untuk mengukuhkan disiplin murid (kem kepimpinan pengawas)
- Program perkembangan sahsiah murid diuruskan oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling (UBK) dan Unit Disiplin Sekolah (UDS)
- Program perkembangan sahsiah murid melibatkan semua murid
- Program perkembangan sahsiah murid harus dirancang supaya cekap dan berkesan
- Aktiviti program perkembangan sahsiah murid yang berkesan melibatkan saiz peserta yang kecil pada sesuatu masa
- Kem jati diri sesuai untuk program pencegahan
- Setiap PANITIA membentuk kurikulum pendidikan untuk mendisiplinkan murid (nilai merentas kurikulum)
- Program ko-kurikulum seperti meredah hutan dan perkhemahan sesuai bagi murid berisiko
- Idea penambahbaikan kes disiplin adalah berasaskan konteks sekolah
- Setiap program menggunakan pendekatan yang berbeza berdasarkan tahap kes disiplin
- Kejayaan program perkembangan sahsiah murid memerlukan permuafakatan sekolah-ibu bapa
- Program pengukuhan diadakan untuk murid berpotensi tinggi
 - Faktor penyumbang kepada pengukuhan diri adalah bermotivasi, kreatif dan mempunyai sikap jati diri
 - Program pencegahan melibatkan Program Keselamatan, Kebersihan dan Kesihatan (3K)
 - Setiap unit mempunyai takwim tahunan dan pelan tindakan
 - Setiap unit mempunyai program pemulihan dan pengawalan untuk murid berisiko
 - Perubahan positif sahsiah murid diiktiraf melalui anugerah sijil
 - Kejayaan program pemantapan sahsiah murid melibatkan aspek agama serta permuafakatan rumah ibadat (masjid, gereja, kuil)
 - Mesyuarat PIBG sesuai untuk menghebahkan program sekolah
 - Sikap ibu bapa yang mempertahankan murid yang bersalah penyumbang kepada ketidaksamaan program pemantapan sahsiah murid
 - Program kaunseling secara berkala melibatkan murid bermasalah disiplin di tahap serius perlu diadakan
 - Tujuan utama program pemantapan sahsiah murid untuk menambahbaik disiplin murid dalam aspek Jasmani, Emosi, Rohani, Intelektual dan Sosial (JERIS)
 - Mengenalpasti punca masalah disiplin adalah langkah pertama untuk menyelesaikan masalah disiplin
- Untuk sesi kaunseling, rekod diri murid disemak oleh kaunselor sebelum sesi kaunseling
 - Peranan kaunselor adalah membantu dan memantau perkembangan diri murid berisiko

- Sasaran program perkembangan dan pementapan sahsiah murid melibatkan murid cemerlang, harus lulus (HALUS) dan berisiko
- PIBG menyokong program kecemerlangan murid
- Sekolah adalah terbuka untuk ibu bapa dan masyarakat memberikan kerjasama
- UBK mengamalkan dasar menerima murid tanpa syarat untuk sesi kaunseling
- Peranan PIBG dalam menghebahkan maklumat sekolah amat penting
- Setiap aktiviti perlu program melibatkan murid agar mereka merasa dihargai
- Kelab Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) dapat membimbing murid berisiko
- Program dilaksanakan di persekitaran luar sekolah agar murid berasa satu pengalaman baru
- Keberkesanan pelaksanaan program dilakukan dengan penilaian oleh murid / peserta
- Aktiviti program perkembangan staf berkaitan isu pengurusan disiplin murid perlu dijalankan secara berkala
- Aktiviti program perkembangan staf mengenai pengurusan disiplin murid dikendalikan oleh mereka yang pakar
- Pandangan pengetua patut diambil kira dalam merancang sesuatu program, disamping pandangan murid dan guru
- Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) menyokong program disiplin murid
- Sumber kewangan yang kukuh diperlukan untuk menjayakan sesuatu program
- Guru tidak perlu dibebankan dengan begitu banyak program
- Program perkembangan murid perlu dilakukan secara berkala mengikut kumpulan sasaran
- Setiap program perlu dirancang sebelum dinilai untuk penambahbaikan Pengurusan Disiplin Sekolah (PDS)
- Program perkembangan murid untuk kumpulan sasaran telah dirancang dalam takwim

“Tahap Kesepakatan Yang Sederhana” dan “Sangat Setuju” (JAK=1.5 dan M=5)

Selebihnya hanya satu strategi seperti mana berikut didapati telah bersepakat pada tahap yang sederhana untuk menyetujui pelaksanaan program perkembangan sahsiah murid dan seterusnya dijadikan kandungan profil pengurusan disiplin murid secara cekap dan berkesan:

- Maklumat sekolah diedarkan kepada ibu bapa melalui murid dan laman web sekolah

(III) Perkongsian Visi dan Misi

Majoriti peserta kajian telah bersepakat terhadap dua belas strategi bagi perkongsian visi dan misi berpandukan skala-skala “Tahap Kesepakatan Yang Tinggi” dan “Sangat Setuju” (JAK=0 dan M=5).

“Tahap Kesepakatan Yang Tinggi” dan “Sangat Setuju” (JAK=0 dan M=5)

Kesemua dua belas strategi bagi perkongsian visi dan misi telah disepakati pada tahap yang tinggi untuk sangat menyetujuinya agar dijadikan kandungan profil pengurusan disiplin murid secara cekap dan berkesan iaitu:

- Unit HEM bersama-sama pengetua, pemimpin barisan hadapan dan guru disiplin merancang visi dan misi Pengurusan Disiplin Sekolah (PDS)
- Visi dan misi yang dirancang dikongsi dengan warga sekolah dan masyarakat luar
- Visi dan misi setiap unit adalah selaras dengan visi dan misi sekolah
- Visi dan misi setiap unit difahami warga sekolah

- Visi Pengurusan Disiplin Sekolah (PDS) bertujuan melahirkan murid cemerlang dari segi sahsiah diri
- Pengurusan Disiplin Sekolah (PDS) digambarkan dengan pencapaian disiplin dan akademik murid yang baik
- Hebahan mengenai visi dan misi Unit Disiplin Sekolah (UDS) melalui perhimpunan mingguan sekolah dan papan kenyataan
- Paparan visi dan misi sekolah dan disiplin di kulit buku adalah berkesan
 - Maklumat mengenai visi dan misi sekolah dan disiplin disampaikan ketika hari orientasi sekolah
 - Sokongan pengetua dan pemimpin barisan hadapan penting untuk pencapaian visi dan misi Pengurusan Disiplin Sekolah (PDS)
 - Menentukan visi dan misi jangka pendek dan jangka panjang untuk meningkatkan tahap pencapaian akademik dan sahsiah
 - Mengamalkan perbincangan dengan guru dalam perancangan visi dan misi

(IV) Polisi Disiplin

Majoriti peserta kajian telah bersetuju terhadap dua puluh lima strategi bagi polisi disiplin berpandukan skala-skala “Tahap Kesepakatan Yang Tinggi” dan “Sangat Setuju” (JAK=0 dan M=5). “Tahap Kesepakatan Yang Sederhana” dan “Sangat Setuju” (JAK=1.5 dan M=5).

“Tahap Kesepakatan Yang Tinggi” dan “Sangat Setuju” (JAK=0 dan M=5)

Kesemua dua puluh lima strategi bagi polisi disiplin telah disepakati pada tahap yang tinggi untuk sangat menyetuainya agar dijadikan kandungan profil pengurusan disiplin murid secara cekap dan berkesan iaitu:

- Peruntukan waktu disiplin tambahan secara formal mampu mengawal kes disiplin di sekolah
- Kepentingan mengingatkan murid tentang kepatuhan kepada peraturan sekolah secara berkala
- Buku peraturan disiplin sekolah wajib dimiliki setiap murid
- Kehadiran penuh murid diiktiraf melalui anugerah sijil
- Ibu bapa dimaklumkan mengenai peraturan sekolah serta prosedur tindakan disiplin setiap tahun
- Peraturan sekolah diperkenalkan kepada ibu bapa dan murid baru ketika program orientasi sekolah
- Tindakan disiplin diambil dengan mematuhi manual pengurusan disiplin murid
- Aku janji dibuat dalam kalangan murid yang bermasalah disiplin dan ibu bapa untuk mengatasi masalah disiplin
- PIBG memberikan sokongan moral kepada sekolah dalam usaha mendisiplinkan murid
- Hebahan peraturan sekolah perlu di letakkan di tempat yang strategik sepanjang masa
- Pekeliling ikhtisas daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) digunakan sebagai rujukan rasmi dalam mengambil tindakan disiplin
- Peraturan disiplin yang digubal mestilah mudah difahami oleh warga sekolah
- Polisi disiplin dan peraturan sekolah diberitahu pada ibu bapa dan murid pada hari pendaftaran murid baru
- Setiap tindakan diambil perlu selari dengan pekeliling ikhtisas

- Peraturan harus dilaksanakan agar murid menghormatinya
- Setiap pindaan peraturan yang dipersetujui dalam mesyuarat Pengurusan Disiplin Sekolah (PDS) dimaklumkan kepada ibu bapa dan murid
- Media massa merupakan alat berkesan untuk menghebahkan peraturan sekolah
- Semakan peraturan disiplin melibatkan pemimpin barisan hadapan, pengetua, guru disiplin dan PIBG
- Keputusan akhir mengenai tindakan disiplin adalah daripada pengetua
- Wujud satu slot mengenai peraturan sekolah dalam perhimpunan mingguan sekolah secara berkala
- Keselamatan murid melibatkan prosedur keluar masuk sekolah, makmal, buli dan gangsterism
- Perkara larangan yang melibatkan item terlarang seperti membawa telefon bimbit, kamera, komputer riba, aksesori, rambut berwarna dan berfesyen perlu diperjelaskan oleh pihak sekolah
- Polisi dan tindakan disiplin perlu dijelaskan kepada semua murid baru dan lama setiap awal tahun
- Murid perlu menandatangani surat perjanjian yang memaklumkan mereka memahami setiap peraturan sekolah pada awal tahun

“Tahap Kesepakatan Yang Sederhana” dan “Sangat Setuju” (JAK=1.5 dan M=5)

Majoriti peserta kajian didapati telah bersetuju pada tahap yang sederhana untuk menyetujui dua strategi seperti mana berikut bagi polisi disiplin dan selanjutnya dijadikan kandungan profil pengurusan disiplin murid secara cekap dan berkesan.

- Murid diberi peluang menyemak markah salah laku mereka di bilik disiplin dan berbincang mengenai salah laku dalam suasana yang mesra
- Peraturan sekolah sedia ada mengekalkan maklumat terdahulu

B. Pelaksanaan

Pelaksanaan melibatkan subtema seperti berikut:

(I) Dokumentasi

Sebanyak dua puluh empat strategi seperti mana berikut bagi melaksanakan proses dokumentasi telah disepakati oleh majoriti peserta kajian berpandukan skala-skala skala “Tahap Kesepakatan Yang Tinggi” dan “Sangat Setuju” (JAK=0 dan M=5).

“Tahap Kesepakatan Yang Tinggi” dan “Sangat Setuju” (JAK=0 dan M=5)

Kesemua dua puluh empat strategi bagi proses dokumentasi telah disepakati pada tahap yang tinggi untuk sangat menyetujuinya agar dijadikan kandungan profil pengurusan disiplin murid secara cekap dan berkesan iaitu:

- e-disiplin membolehkan data disiplin murid dihantar terus ke Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)
- Pihak sekolah menghantar data laporan disiplin murid ke Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) setiap bulan
- Pengurusan rekod disiplin murid menggunakan sistem perfailan seperti laporan kaunselor, surat aku janji serta surat lain yang berkaitan

- Sistem Salah Laku Disiplin Murid (SSDM) membolehkan pihak sekolah mengakses kesalahan murid
- SSDM menyimpan rekod disiplin murid
- Laporan SSDM dihantar kepada PPD 3 kali setahun
- Fail induk disiplin disimpan di pejabat pentadbiran manakala salinannya dipegang oleh Unit Disiplin Sekolah (UDS)
- Pihak sekolah merekodkan setiap hukuman dan tindakan yang dijatuhkan ke atas murid
- Pihak sekolah menjatuhkan hukuman mengikut prosedur tindakan disiplin yang digunakan
- Setiap kesalahan murid perlu direkodkan untuk tindakan susulan
- Pihak sekolah menentukan jenis kesalahan untuk pemberian markah berdasarkan pekeliling
- Peraturan disiplin digubal mengikut konteks sekolah
- Murid perlu dijelaskan hak mereka disisi undang-undang sekolah
- Buku peraturan sekolah perlu disemak setiap tahun
- Statistik salah laku dikemaskini setiap bulan untuk dipamerkan sebagai peringatan kepada murid
- Setiap bulan statistik tindakan disiplin didokumentasikan
- Buku log salah laku murid perlu direkod oleh guru setiap masa
- Semua bahan bukti prosedur tindakan disiplin murid bermasalah direkod dan disimpan dalam fail khas
- Perlu ada fail meja dan carta aliran prosedur tindakan dan hukuman
- Setiap murid perlu mempunyai rekod disiplin masing-masing
- Setiap kesalahan murid perlu direkod dengan segera dan berkala
- Surat panggilan ibu bapa perlu ada tarikh, masa dan sebab dipanggil
- Minit mesyuarat UDS, UBK dan LTS perlu direkodkan
- Status disiplin terkini perlu dibentangkan pada mesyuarat PIBG agar PIBG dapat mengambil langkah sewajarnya dalam mengekang penularan amalan negatif dalam kalangan murid

(II) Permuafakatan Antara Sekolah-Ibu Bapa

Sejumlah dua puluh tiga strategi yang dipersetujui bagi permuafakatan antara sekolah-ibu bapa oleh panel pakar berpandukan skala-skala “Tahap Kesepakatan Yang Tinggi” dan “Sangat Setuju” (JAK=0 dan M=5), serta skala-skala “Tahap Kesepakatan Yang Tinggi” dan “Sangat Setuju” (JAK=1 dan M=5).

“Tahap Kesepakatan Yang Tinggi” dan “Sangat Setuju” (JAK=0 dan M=5)

Sebanyak dua puluh tiga strategi bagi permuafakatan antara sekolah-ibu bapa telah disepakati pada tahap yang tinggi untuk sangat menyetujuinya agar dijadikan kandungan profil pengurusan disiplin murid secara cekap dan berkesan iaitu:

- Sekolah mengalu-alukan sumbangan tenaga, wang dan kepakaran luar
- Media elektronik seperti laman sesawang berguna untuk perkongsian maklumat
- Laman web berguna untuk berkongsi maklumat tentang sekolah dengan komuniti luar
- Pihak komuniti seperti (NGO) dialu-alukan untuk menyumbang kepakaran
- PIBG bekerjasama dengan pihak berkepentingan (seperti komuniti, ibu bapa dan pihak berkuasa) untuk pemantapan sahsiah murid

- PIBG perlu aktif dalam melibatkan diri dengan program-program untuk pemantapan sahsiah dan kecemerlangan murid
- PIBG berperanan sebagai orang tengah antara ibu bapa dan sekolah untuk merancang program pemantapan sahsiah murid
- Pihak ibu bapa memantau kehadiran murid ke sekolah
- Program permuafakatan antara sekolah-ibu bapa bertujuan melibatkan komuniti di sekolah
- Konsep turun padang dilaksanakan oleh pihak sekolah untuk melihat realiti kehidupan murid
- Untuk melibatkan komuniti luar sekolah, majlis permuafakatan harus dilaksanakan oleh pihak sekolah
- Merapatkan diri dengan golongan berisiko amat penting untuk menarik mereka kembali ke pangkal jalan
- Ibu bapa dijemput dalam Majlis Anugerah Cemerlang untuk memotivasikan ibu bapa dan murid
- Bilik disiplin merupakan tempat pertemuan ibu bapa dengan sekolah
- Sekolah mengadakan perjumpaan dengan ibu bapa bagi membincangkan pencapaian murid dari aspek sahsiah dan akademik
- Sekolah berusaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada murid bagi memuaskan hati pihak yang berkepentingan
- Sekolah prihatin dengan pandangan, idea dan kritikan ibu bapa
- Komuniti turut terlibat dalam memantau aktiviti murid di luar kawasan sekolah
- PIBG perlu menjadikan disiplin sekolah sebagai salah satu agenda mesyuarat seperti arahan pekeliling
- Mewujudkan ahli Jawatankuasa Sekolah Selamat yang terdiri daripada ahli PIBG
- Jawatankuasa Sekolah Selamat dapat membantu pihak sekolah menguruskan disiplin dan keselamatan murid
- PIBG perlu berpengaruh bagi memujuk dan mempengaruhi ibu bapa agar turut serta dalam aktiviti sekolah
- PIBG perlu bersama-sama mempertahankan tindakan pihak sekolah jika ibu bapa mempersoalkan tindakan sekolah

“Tiada kesepakatan” dan “Setuju Pada Tahap Sederhana” (JAK=2.5 dan M=5)

Sebanyak dua strategi seperti mana berikut bagi permuafakatan antara sekolah-ibu bapa telah disepakati pada tahap yang sederhana dan tidak bersepatat untuk setuju untuk dijadikan kandungan profil pengurusan murid secara cekap dan berkesan.

- Pembentukan Jawatankuasa PIBG dalam kalangan individu berpengaruh dan mampu menjayakan aktiviti
- Ibu bapa dipanggil sekiranya murid yang sama melakukan kesalahan / salah laku

(III) Pemantapan Disiplin

Sejumlah peserta kajian didapati telah bersepatat pada tahap yang tinggi terhadap dua belas strategi seperti mana berikut terhadap pemantapan disiplin menerusi skala-skala “Tahap Kesepakatan Yang Tinggi” dan “Sangat Setuju” (JAK=0 dan M=5).

“Tahap Kesepakatan Yang Tinggi” dan “Sangat Setuju” (JAK=0 dan M=5)

- Mengenalpasti punca masalah disiplin adalah langkah pertama untuk menyelesaikan masalah disiplin
- Keluar masuk murid perlu mendapat keizinan guru

- Kemudahan *intercom* memudahkan guru berkomunikasi serta menjimatkan masa
- Proses pengajaran dan pembelajaran mengambil kira penerapan nilai-nilai murni
- Pengagihan tugas kepada warga sekolah dilakukan secara adil
- Sistem *e*-disiplin memantapkan pengurusan disiplin murid
- Penggunaan Modul terbitan KPM oleh UBKS dapat mengatasi masalah salah laku murid
- Keberkesanan pengurusan disiplin dinilai melalui penurunan peratusan masalah disiplin
- Jemputan ceramah oleh pihak keselamatan berupaya mengurangkan salah laku murid
- Mesyuarat guru mengenai pengurusan kelas serta cara terbaik mengawal salah laku murid adalah perlu
- Pengawas sekolah dalam kalangan murid berupaya membantu guru dalam mengawal salah laku murid
- Masa Ketua Guru Disiplin perlu dikurangkan bagi mengelakkan bebanan tugas pengajaran dan pembelajaran

C. Kepimpinan

Kepimpinan melibatkan subtema seperti berikut:

(I) *Kepimpinan*

Sebanyak enam strategi seperti mana berikut bagi melahirkan kepimpinan telah disepakati oleh majoriti peserta kajian berpandukan skala-skala “Tahap Kesepakatan Yang Tinggi” dan “Sangat Setuju” (JAK=0 dan M=5),

“Tahap Kesepakatan Yang Tinggi” dan “Sangat Setuju” (JAK=0 dan M=5)

Kesemua enam strategi bagi kepimpinan telah disepakati pada tahap yang tinggi untuk sangat menyetujuinya agar dijadikan kandungan profil pengurusan disiplin murid secara cekap dan berkesan iaitu:

- Kecairan maklumat kepada warga sekolah penting untuk keberkesanan tugas
- Keupayaan kepimpinan murid dibangunkan menerusi program perkembangan
- Pihak sekolah dibantu oleh Badan Pengawas Sekolah dalam menangani masalah disiplin murid
- *Role* model dalam kalangan guru berupaya dijadikan idola oleh murid
- Pengetua adalah *role* model bagi semua murid
- Pengetua, guru, pengawas mengamalkan nilai-nilai murni sebagai contoh kepada murid

D. Pengawalan

Pengawalan melibatkan subtema seperti di bawah:

(I) *Legaliti*

Majoriti peserta kajian didapati telah bersepakat pada tahap yang tinggi terhadap dua puluh strategi pengawalan menerusi legaliti berasaskan skala-skala “Tahap Kesepakatan Yang Tinggi” dan “Sangat Setuju” (JAK=0 dan M=5),

“Tahap Kesepakatan Yang Tinggi” dan “Sangat Setuju” (JAK=0 dan M=5)

Majoriti peserta kajian didapati telah bersepakat pada tahap yang tinggi untuk sangat menyetujui dua puluh strategi seperti mana berikut bagi legaliti dan selanjutnya strategi-strategi tersebut dijadikan kandungan pengurusan disiplin murid secara cekap dan berkesan.

- Tindakan buang sekolah merupakan prosedur terakhir
- Murid dibenarkan membela diri dalam mesyuarat Lembaga Tatatertib Sekolah
- Ibu bapa boleh merayu dalam mesyuarat Lembaga Tatatertib Sekolah (LTS) sebagai hak mereka mempertahankan kebenaran anak mereka
- Tindakan tatatertib adalah berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas dan Peraturan Sekolah
- Pihak sekolah memanggil ibu bapa ke sekolah bagi membincangkan isu salah laku anak mereka
- Ibu bapa dimaklumkan bagi setiap hukuman yang dijatuhkan terhadap anak mereka
- Setiap guru adalah guru disiplin yang menasihati murid sebagai usaha pertama dalam mengawal salah laku murid
- Kesalahan direkod sekiranya nasihat guru tidak diambil perhatian
- Sekiranya prosedur di atas (item 8 dan 9) tidak diendahkan murid, mereka diberi amaran keras seperti dirujuk kepada UBKS
- Sekiranya salah laku semakin serius, murid digantung sekolah setelah amaran berulang kali diberikan
- Hukuman buang sekolah hanya dilaksanakan sekiranya prosedur hukuman di atas (item 7, 8, 9 dan 10) tidak diendahkan murid
- Selepas digantung sekolah, murid kembali ke sekolah bersama-sama dengan ibu bapa untuk menandatangani surat aku janji
- Peringatan secara berterusan perlu agar murid tidak dihukum sehingga dibuang sekolah
- Pihak sekolah mengenakan hukuman mengikut kategori kesalahan
- Murid diberi bimbingan dan kaunseling untuk memulihkan semangat mereka di sekolah
- Kaunseling berkala berupaya mengenal pasti perkembangan disiplin murid bermasalah
- Kaunseling berkelompok berupaya mengenal pasti perkembangan disiplin murid bermasalah
- Jika murid berterusan melanggar peraturan sekolah, ibu bapa dinasihat untuk menukarkan anak mereka ke sekolah lain untuk mewujudkan persekitaran baru
- Hak murid perlu dijelaskan dalam setiap tindakan oleh pihak sekolah
- Murid perlu faham kesan tindakan hukuman sebelum mereka dibuang sekolah.

(II) Akauntabiliti

Majoriti peserta kajian didapati telah bersepakat pada tahap yang tinggi terhadap sebelas strategi pengawalan menerusi akauntabiliti berasaskan skala-skala “Tahap Kesepakatan Yang Tinggi” dan “Sangat Setuju” (JAK=0 dan M=5).

“Tahap Kesepakatan Yang Tinggi” dan “Sangat Setuju” (JAK=0 dan M=5)

Majoriti peserta kajian didapati telah bersepakat pada tahap yang tinggi untuk sangat menyetujui sebelas strategi seperti mana berikut bagi akauntabiliti dan selanjutnya strategi-strategi tersebut dijadikan kandungan pengurusan disiplin murid secara cekap dan berkesan.

- Semua guru bertindak sebagai guru disiplin
- Jawatan guru disiplin sepenuh masa perlu untuk mengawal disiplin murid di sekolah
- Guru perlu mempertingkatkan profesionalisme diri mereka secara sukarela

- Semua guru mata pelajaran bertanggungjawab terhadap murid di dalam bilik darjahnya
- Memberikan pengiktirafan kepada guru yang layak
- Guru dibekalkan buku aduan disiplin untuk perekodan salah laku murid
- Guru diingatkan setiap masa mengenai peranan mereka sebagai pendidik
- Pandangan guru diambil kira dalam membuat keputusan
- Guru bertanggungjawab terhadap kehadiran murid
- Kursus atau bengkel berkaitan pengurusan disiplin murid perlu untuk semua guru
- Tatacara pengendalian salah laku murid perlu agar guru tidak mengambil tindakan sendiri

Secara keseluruhannya, pada sesi pusingan ketiga kajian Delphi, majoriti peserta kajian telah bersepakat untuk menyetujui empat ciri utama pengurusan disiplin murid dan dua ratus tiga belas strategi-strateginya yang dikategorikan sebagai tema dan sub-tema masing-masing bagi merekabentuk Profil Amalan Terbaik Untuk Pengurusan Disiplin Murid.

PERBINCANGAN

Perbincangan dapatan kajian ini adalah hasil gabungan Model ADDIE (*Analysis-Design-Development-Implementation-Evaluation*) oleh Molenda (2003), Teori Organisasi oleh Richard L. Daft (2003) dan Surat Pekeliling Ikhtisas daripada Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi membentuk sebuah kerangka konseptual kajian yang mengandungi dua peringkat pelaksanaan bagi menjawab soalan kajian. Peringkat analisis dan reka bentuk telah membentuk satu profil amalan terbaik dalam menguruskan disiplin murid. Dapatan tersebut seterusnya dibincangkan secara terperinci seperti berikut.

Peringkat Reka Bentuk Profil

Peringkat ini melibatkan pembentukan profil pengurusan disiplin murid berdasarkan ciri-ciri serta strategi untuk menguruskan disiplin murid secara cekap dan berkesan. Maklumat diperolehi berdasarkan tahap kesepakatan yang tinggi dan sangat setuju terhadap sembilan orang panel pakar kajian Delphi pada sesi pusingan kedua dan ketiga. Seterusnya, perbincangan dapatan kajian adalah seperti berikut.

Profil Amalan Terbaik Bagi Pengurusan Disiplin Murid

Kajian ini menekankan tentang pentingnya pengurusan bilik darjah sebagai satu tindakan atau strategi dalam mengekalkan peraturan bilik darjah. Pengurusan bilik darjah yang baik mampu mewujudkan suasana dan persekitaran pembelajaran yang kondusif seterusnya menyumbang kepada pengawalan disiplin yang sempurna. Sistem pendidikan negara menekankan kepada pemupukan disiplin diri, kerana dengan berdisiplin, akan lahir generasi yang sempurna dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Suffean Hussein (1996) bersependapat dengan kenyataan tersebut menerusi pandangan beliau bahawa matlamat utama penggubalan sesebuah peraturan dalam pendidikan bertujuan memimpin murid ke arah pembentukan peribadi yang berintelektual di samping keseimbangan jasmani, emosi dan keteguhan rohani. Sehubungan dengan itu, perancangan yang teliti amat perlu bagi memastikan sekolah mampu melahirkan individu yang mempunyai sahsiah diri yang sentiasa bersedia memikul tanggungjawab terhadap masyarakat dan negara pada masa hadapan.

Di samping itu, murid perlu sentiasa diingatkan tentang disiplin dan peraturan yang mereka perlu patuhi agar mereka mematuhi setiap masa. Peneguhan boleh dilakukan dengan cara menampal peraturan di papan kenyataan sekolah atau di mana-mana tempat yang strategik di kawasan sekolah, supaya murid senang untuk membacanya. Ini selaras dengan pendapat Martin (1971) yang mengatakan ketiadaan

peringatan dan peneguhan disiplin di sekolah menyebabkan murid lebih cenderung untuk melanggar peraturan dan disiplin sekolah.

Kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran perlu membuat satu kajian yang menyeluruh mengenai sistem pendidikan dan peraturan sekolah yang sedia ada. Sistem pendidikan hari ini mementingkan kecemerlangan akademik tetapi kurang menekankan kecemerlangan sahsiah diri murid. Ini dapat dilihat dengan masalah disiplin dan moral yang timbul dalam kalangan murid di sekolah berasrama penuh, walaupun mereka adalah golongan terpilih. Ini jelas membuktikan masalah disiplin murid ini hanya akan dapat dibendung bila semua pihak memainkan peranan masing-masing. Selanjutnya, perbincangan mengenai kandungan profil kajian ini adalah seperti berikut.

(A) *Perancangan*

Menurut Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4/2002: Pelaksanaan Program Sekolah Selamat, Kementerian Pelajaran telah menetapkan dasar bagi mewujudkan persekitaran sekolah yang membolehkan warga sekolah berasa selamat untuk menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran termasuk menjalankan kegiatan ko-kurikulum. Untuk melaksanakan tujuan tersebut maka Jawatankuasa-jawatankuasa Sekolah Selamat perlu ditubuhkan di setiap Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah/sekolah yang melibatkan warga sekolah, wakil komuniti serta NGO. Maka Jawatankuasa Sekolah Selamat bertujuan merancang, menasihati, memantau dan melaporkan mengenai program yang dapat menyumbang kepada persekitaran sekolah yang aman dan kondusif (Eng, 2008). Di samping itu penubuhan Kelab Pencegahan Jenayah di semua sekolah adalah bertujuan untuk membangkitkan kesedaran dan kepekaan murid mengenai jenayah yang mungkin berlaku di sekeliling mereka dan cara mencegahnya. Selain daripada itu penubuhan kelab juga dapat mengeratkan hubungan antara sekolah dan pihak berkuasa bagi membanteras kelakuan jenayah sama ada dalam atau luar sekolah.

Guru besar dan pengetua di Malaysia telah dilengkapkan dengan Pekeliling-pekelling Ikhtisas, Ordinan pelajaran dan Akta pendidikan 1996 sebagai panduan untuk mengambil tindakan disiplin yang sewajarnya (Mohd Ismail Othman, 2006). Aspek seperti visi dan misi, struktur dan sistem pentadbiran dan pengurusan yang teratur, pembinaan pasukan kerja sekolah serta pemahaman mengenai peraturan sekolah, surat pekelling, Ordinan Pelajaran adalah penting dalam pengurusan disiplin murid (Mohd Ismail Othman, 2006). Bertepatan dengan kenyataan di atas maka majoriti peserta kajian Delphi telah bersepakat pada tahap yang tinggi untuk menyetujui bahawa salah satu aspek pengurusan iaitu perancangan yang teliti adalah penting dalam pengurusan disiplin sesebuah sekolah. Tanpa perancangan yang teliti, sekolah akan menghadapi masalah disiplin yang serius. Dapatan tersebut menyamai pandangan Duckworth (1984) yang mengatakan yang kepuasan tentang polisi disiplin sekolah dalam kalangan guru mempunyai kaitan yang rapat dengan pengetua atau guru besar sekolah. Kerjasama yang rapat, komunikasi yang berkesan serta sokongan daripada pihak atasan juga penting. Budi bicara pengetua dan guru besar dalam menggunakan kuasanya adalah penting dalam mengurangkan masalah disiplin murid. Surat Pekeliling daripada Kementerian Pelajaran telah diedarkan dari masa ke semasa mengenai langkah pencegahan dan pemulihan disiplin di sekolah.

Pandangan di atas dapat digambarkan menerusi tahap kesepakatan yang tinggi dan sangat setuju telah dicapai terhadap dua puluh sembilan strategi mengenai Struktur Pengurusan Disiplin Murid dalam kalangan majoriti peserta kajian. Kesepakatan bermula pada sesi pusingan kedua peserta kajian Delphi dan berlanjutan sehingga sesi pusingan ketiga. Ini bermakna majoriti peserta kajian telah bersepakat untuk sangat menyetujui strategi terbabit sebagai faktor penyumbang kepada pengurusan disiplin murid secara cekap dan berkesan. Pandangan mereka berubah pada pusingan ketiga. Pada sesi pusingan kedua kesepakatan yang sederhana dan sangat setuju dicapai dalam majoriti peserta kajian terhadap strategi

ke-4 dan ke-5 apabila skor JAK=1 dan M=5. Tapi pada pusingan ketiga, semua peserta kajian telah mencapai tahap kesepakatan yang tinggi dan sangat setuju terhadap kedua strategi terbabit dengan nilai JAK=0 dan M=5. Tiada kesepakatan dicapai untuk menyetujui item tersebut dalam kalangan peserta kajian pada sesi pusingan kedua terhadap strategi ke-14, 15, 16, 17 dan 18, kerana nilai JAK=2 dan M=4. Tetapi tahap kesepakatan yang tinggi dan sangat setuju telah dicapai pada sesi pusingan ketiga apabila skor JAK=0 dan M=5 terhadap strategi berkenaan. Dapatan tersebut menunjukkan majoriti peserta kajian telah bersepakat untuk menyetujuinya sebagai faktor penyumbang kepada pengurusan disiplin murid secara cekap dan berkesan. Dapatan di atas menyamai pandangan Omardin Ashaari (2007) iaitu unit bimbingan dan kaunseling dapat membantu dalam mewujudkan iklim sekolah kearah peningkatan disiplin murid. Guru kaunselor mengendalikan fail, menyelaras, menjaga dan mengemaskini rekod murid yang memerlukan bantuan dan nasihat.

Perancangan sesuatu perkara memerlukan beberapa strategi. Sang (2003) berpendapat, strategi yang dibina oleh pihak pentadbiran sekolah mestilah berdasarkan kesamarataan antara murid, menghormati murid sebagai seorang manusia yang ada hak, maruah, mengamalkan prinsip keadilan serta memupuk hubungan yang baik antara murid, guru dan warga sekolah. Strategi ini dapat dikategorikan kepada disiplin yang dikenakan dari luar dan disiplin yang disemai dari dalam diri murid sendiri. Strategi disiplin menggunakan pelbagai isi kandungan berkaitan dengan peraturan, undang-undang dan sistem perundangan dijalankan dengan pengajaran interaktif (Hee, 2004).

Selanjutnya kajian ini turut mendapati majoriti peserta kajian telah bersepakat pada tahap yang tinggi untuk sangat menyetujui agar aspek Program Perkembangan Sahsiah Murid dijadikan asas dalam merancang program untuk pengurusan disiplin murid secara cekap dan berkesan. Dapatan tersebut digambarkan menerusi tahap kesepakatan dan persetujuan yang tinggi apabila skor JAK=0 dan M=5 dicapai pada sesi ketiga kajian Delphi. Strategi ke-33 pula telah mencapai tahap kesepakatan yang tinggi dan sangat pada sesi pusingan ketiga iaitu JAK=0 dan M=5, berbanding tahap kesepakatan yang sederhana dan sangat setuju dicapai pada sesi pusingan kedua iaitu JAK=1 dan M=5. Strategi tersebut mula disepakati pada pusingan ketiga oleh kesemua majoriti pakar kajian. Ini bermakna peserta kajian telah bersepakat untuk sangat meyetujui bahawa perancangan program perkembangan sahsiah murid penting untuk pengurusan disiplin murid secara cekap dan berkesan.

Tahap kesepakatan yang tinggi terhadap strategi tersebut telah menyamai pandangan Abdullah Sani Yahya (2003) yang berpendapat sistem *mentor-mentee* dapat membina hubungan mesra antara guru dan murid yang sekaligus dapat mengurangkan masalah disiplin kerana guru bertindak sebagai pemantau terhadap kelakuan murid. Ini kerana melalui program ini, guru dapat mengenal pasti masalah murid serta mengambil berat terhadap masalah berkaitan emosi, kesihatan, pencapaian kurikulum dan ko-kurikulum serta sosial murid. Sementara itu, rasional untuk mengadakan program tersebut perlu kukuh dan dapat memberi faedah terhadap pembangunan sekolah, guru dan murid (Omardin Ashaari, 2007). Kumpulan sasaran yang akan menyertai program ini perlu dikenalpasti terlebih dahulu. Masa untuk menjalankannya dan tempoh masa yang sesuai untuk melaksanakannya hendaklah berasaskan takwim sekolah. Tindakan susulan perlu diadakan untuk mengadakan program pemulihan dan pengayaan.

Selanjutnya kajian ini turut mendapati majoriti pakar kajian bersepakat pada tahap yang tinggi untuk sangat menyetujui bahawa Perkongsian Visi dan Misi penting dalam pengurusan disiplin murid. Dapatan tersebut digambarkan menerusi tahap kesepakatan yang tinggi dan sangat setuju apabila skor JAK=0 dan M=5 dicapai ketika sesi pusingan kedua dan ketiga. Ini bermakna majoriti peserta kajian telah bersepakat untuk sangat menyetujui bahawa perkongsian visi dan misi adalah sebahagian daripada faktor penyumbang terhadap pengurusan disiplin sekolah secara cekap dan berkesan. Secara keseluruhannya majoriti pakar kajian telah menyetujui bahawa strategi ke-1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11 dan 12 merupakan sebahagian daripada faktor penyumbang untuk pengurusan disiplin murid secara

cekap dan berkesan. Ia melibatkan perancangan visi dan misi sekolah yang harus selari dengan visi dan misi sesuatu unit. Disamping itu, kerjasama semua warga sekolah dalam membina dan melaksanakan visi dan misi terbabit amat penting. Kedua-dua visi dan misi sekolah pula dihebahkan dan dijelaskan dalam perhimpunan sekolah, mesyuarat guru dan mesyuarat PIBG. Visi dan misi juga dipamerkan di di bilik gerakan sekolah, di papan kenyataan sekolah, di bilik guru, di pejabat, di bilik darjah dan dinding bangunan sekolah.

Selanjutnya, kajian ini turut mendapati wujudnya tahap kesepakatan yang tinggi dan sangat setuju dalam kalangan peserta kajian untuk menyetujui bahawa perancangan penting untuk melaksanakan Polisi Disiplin di sekolah secara cekap dan berkesan. Gambaran dapatan tersebut ditunjukkan menerusi tahap kesepakatan yang tinggi dan sangat setuju terhadap strategi ke-2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 21, 22, 23 dan 24 yang bermula pada sesi pusingan kedua kajian Delphi berlanjutan sehingga sesi pusingan ke tiga. Pandangan majoriti pakar kajian tidak berubah dalam setiap pusingan mengenai strategi terbabit. Manakala tahap kesepakatan yang sederhana dan sangat setuju dicapai terhadap strategi ke-1 dan 19 pula telah dipersetujui oleh majoriti peserta kajian pada sesi pusingan ketiga apabila nilai skor $JAK=0$ dan $M=5$ telah dicapai, berbanding pada sesi pusingan kedua iaitu nilai skor $JAK=1$ dan $M=5$. Namun pada sesi pusingan kedua terdapat penambahan tiga strategi baru iaitu majoriti peserta kajian telah bersetuju pada tahap kesepakatan yang tinggi dan sangat setuju terhadap larangan membawa alatan elektronik ke sekolah, surat aku janji serta penerangan mengenai peraturan sekolah hendaklah dilakukan sejak awal tahun lagi dan secara berkala. Ini bermakna akhirnya majoriti peserta kajian telah bersepakat pada tahap kesepakatan yang tinggi untuk sangat menyetujui strategi terbabit sebagai profil untuk kajian ini.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menemui majoriti peserta kajian telah bersepakat untuk sangat menyetujui strategi berikut bagi dijadikan faktor penyumbang untuk pengurusan disiplin murid secara cekap dan berkesan iaitu sentiasa mengingatkan murid mengenai peraturan, hukuman dan ganjaran supaya mematuhi peraturan. Tindakan yang diambil selari dengan pekeliling iktisas, maklumkan ibu bapa mengenai polisi, prosedur dan hukuman serta semakan peraturan haruslah diadakan disamping mengekalkan peraturan terdahulu.

Dapatan tersebut menyamai pandangan (Hee, 2000) yang menyatakan salinan dasar keselamatan dan polisi sekolah perlu diedarkan kepada ibu bapa, guru, murid dan pemimpin sekolah supaya semua dapat makluman mengenai peraturan yang digubal. Manakala dapatan Duckworth (1984) pula mendapati kepuasan tentang polisi disiplin sekolah berkait rapat dengan kepimpinan pengetua. Komunikasi yang berkesan dan perkongsian nilai adalah elemen penting dalam hubungan guru pengetua. Beberapa negeri di Amerika Syarikat menegaskan ibu bapa bertanggungjawab terhadap masalah ponteng dan salah laku anak mereka.

Seterusnya, kajian ini mendapati kesemua strategi yang dicadangkan telah mencapai kesepakatan pandangan untuk sangat menyetujuinya bagi dijadikan kandungan profil pengurusan disiplin murid. Strategi tersebut yang dikategorikan dalam tiga subtema iaitu Struktur Pengurusan Disiplin Murid, Program Perkembangan Sahsiah Murid, Perkongsian Visi dan Misi dan Polisi Disiplin telah mencapai kesepakatan pada peringkat tahap kesepakatan yang tinggi dan sangat setuju bagi dijadikan kandungan untuk pembentukan profil pengurusan disiplin murid secara cekap dan berkesan.

(B) Pelaksanaan

Dapatan kajian ini menemui majoriti peserta kajian telah bersepakat untuk menyetujui Dokumentasi bahawa pelaksanaan merupakan faktor penyumbang kedua terhadap kejayaan pengurusan disiplin murid di sesebuah sekolah. Bagi subtema dokumentasi, majoriti panel pakar kajian Delphi telah bersepakat pada tahap yang tinggi dan sangat setuju terhadap semua dua puluh strategi apabila skor $JAK=0$ dan

M=5. Pada sesi pusingan kedua, hanya terdapat dua belas strategi, tetapi terdapat penambahan sebanyak dua belas strategi pada sesi pusingan ketiga, yang mana majoriti peserta kajian telah bersepakat pada tahap yang tinggi dan sangat setuju terhadap dua belas strategi terbabit dengan skor JAK=0 dan M=5. Ini bermakna kesepakatan yang tinggi telah dicapai pada tahap yang tinggi pada sesi pusingan kedua dan ketiga terhadap subtema dokumentasi. Dapatan di atas menyamai Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 8/2001, Pemantapan Pengurusan Disiplin di Sekolah, iaitu proses dokumentasi amat penting kerana ia menyimpan data serta rekod murid. Ia bukan saja melibatkan rekod pengenalan diri, tetapi juga rekod salah laku murid. Semua rekod disiplin dan profil murid disimpan dengan baik supaya senang dirujuk.

Selanjutnya, kajian ini turut mencapai tahap kesepakatan yang tinggi untuk sangat menyetujui aspek Permuafakatan Antara Sekolah-Ibu Bapa sebagai penyumbang kepada proses pelaksanaan. Mengikut Yang Berbahagia Dato Hj. Abdul Rafie Bin Mahat, bekas Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia di dalam kertas kerjanya yang bertajuk “Pengukuhan Dan Peningkatan Kualiti Pendidikan Dan Profesionalisme Keguruan” (hlm 7) menyatakan:

“Hubungan tiga dimensi iaitu sekolah, rumah dan komuniti perlu diberi penekanan. Ketiga-tiga entiti ini perlu ada hubungan yang mantap dan akrab kerana kejayaan sistem pendidikan negara bergantung kepada sejauhmana ketiga-tiga elemen ini dapat berfungsi, saling melengkapi dan bantu membantu antara satu sama lain. Pihak pengurusan sekolah boleh memainkan peranan utama dalam merapatkan hubungan antara rumah dan komuniti melalui pelbagai cara selain daripada yang diketahui umum iaitu melalui PIBG”.

Saranan bekas Ketua Pengarah itu amat jelas menyatakan bahawa sesebuah institusi pendidikan tidak boleh wujud bersendirian. Hubungan tiga dimensi yang disebut oleh beliau menerangkan bahawa permuafakatan dan perkongsian bijak penting untuk membawa kejayaan kepada sesebuah institusi pendidikan pada masa kini.

Dapatan kajian Cotton dan Wikelund (2001) menyokong penemuan kajian ini dengan merumuskan bahawa penglibatan ibu bapa merupakan antara agenda utama yang sering dibahaskan kerana mereka mahu anak mereka berjaya di masa depan. Pihak ibu bapa sering menaruh harapan yang tinggi pada sekolah agar anak mereka berjaya dalam pelajaran dan kehidupan, tapi mereka tidak menghulurkan bantuan untuk bersama pihak sekolah merangka program untuk mencapai kejayaan terbabit (Christenson, 2003). Dapatan kajian ini turut menyamai pandangan Collin dan Laursen (2004) iaitu penglibatan ibu bapa merupakan satu usaha yang amat bermakna kepada sekolah dan murid. Johnson et al. (1994) menyatakan ibu bapa boleh membantu pihak sekolah seperti membantu merangka polisi disiplin sekolah, menguatkuasakan peraturan sekolah seperti etika berpakaian, kedatangan dan kerja rumah, menyertai rundingan antara guru dengan murid dan ibu bapa yang menghadapi masalah disiplin serta membantu sekolah mewujudkan persekitaran sekolah yang aman dan selesa.

Menurut Epstein (1995) dan Mahzan Arshad (2005) terdapat pelbagai cara ibu bapa boleh dilibatkan secara aktif dalam pendidikan seperti pihak sekolah memberi tunjuk ajar tentang cara mendidik yang betul, memberi penekanan mengenai penggunaan masa bersama anak-anak di rumah seperti membantu dalam kerja rumah, melibatkan ibu bapa dengan program sekolah, menyediakan kemudahan yang mencukupi di sekolah supaya senang ibu bapa hulurkan bantuan, ibu bapa yang berkemahiran boleh membantu dalam akademik sekolah dan menggunakan sumber yang ada di sekolah pada tahap maksimum untuk pelaksanaan sesuatu program.

Majoriti pakar kajian telah bersepakat pada tahap yang tinggi dan sangat setuju terhadap strategi ke-1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17 dan 19 bermula pada sesi pusingan kedua kajian Delphi dan berkekalan pada sesi pusingan ketiga seterusnya. Ini bermakna majoriti peserta kajian telah

bersepakat untuk sangat menyetujui strategi tersebut dan kesepakatan mereka tidak berubah dalam setiap sesi pusingan. Manakala, wujud perbezaan tahap kesepakatan bagi strategi ke-18 dan ke-20 yang mana tiada kesepakatan dicapai untuk menyetujui dalam kalangan majoriti peserta kajian Delphi terhadap strategi terbabit. Strategi tersebut telah mencapai tahap kesepakatan yang tinggi dan sangat setuju pada sesi pusingan ketiga apabila skor JAK=2 dan M=5. Namun skor berubah pada JAK=0 dan M=5, sesi pusingan ketiga. Begitu juga dengan strategi ke-21, 22, 23, 24, dan 25, kesepakatan yang tinggi dan sangat setuju terhadap strategi tambahan tersebut telah dicapai pada sesi pusingan ketiga. Ini bermakna akhirnya majoriti peserta kajian telah bersepakat pada tahap yang tinggi untuk sangat menyetujui strategi terbabit agar dijadikan faktor penyumbang bagi melaksanakan pengurusan murid secara cekap dan berkesan.

Epstein (1995) menyatakan banyak faktor mengapa sekolah harus melibatkan pihak ibu bapa. Antaranya, membantu menjayakan program yang dirancang serta mewujudkan iklim sekolah yang baik. Apabila guru, murid dan ibu bapa bergabung sebagai satu rakan kongsi maka suasana harmoni dan hormat menghormati dapat diwujudkan di sekolah. Kajian ini turut mendapati bahawa wujudnya tahap kesepakatan yang tinggi dalam kalangan majoriti peserta kajian Delphi terhadap Pemantapan Disiplin sebagai sebahagian daripada perancangan untuk pengurusan disiplin yang cekap dan berkesan. Majoriti peserta kajian telah bersepakat pada tahap yang tinggi terhadap strategi ke-1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10 dan 11 apabila skor JAK=0 dan M=5. Tahap kesepakatan tersebut bermula pada sesi kedua dan ketiga kajian Delphi. Begitu juga dengan strategi ke-12 iaitu strategi penambahan daripada sesi pusingan kedua, didapati tahap kesepakatan yang tinggi apabila skor JAK=0 dan M=5. Tahap kesepakatan yang tinggi telah dicapai dalam kalangan majoriti peserta kajian Delphi pada sesi pusingan ketiga kajian Delphi untuk dijadikan faktor penyumbang kepada pengurusan disiplin murid. Dapatan tersebut menyamai Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 8/2001: Pemantapan Pengurusan Disiplin di sekolah yang menyatakan semua guru mesti mengambil tanggungjawab bersama dalam menentukan disiplin sekolah, supaya sentiasa berada dalam keadaan baik dan terkawal. Guru matapelajaran khususnya boleh memainkan peranan yang penting sebagai guru disiplin ketika di dalam bilik darjah.

Selanjutnya, kajian ini mendapati kesemua strategi yang dicadangkan telah mencapai kesepakatan pandangan untuk sangat menyetujuinya bagi dijadikan profil pengurusan disiplin murid secara cekap dan berkesan. Strategi terbabit telah dikategorikan dalam tiga subtema iaitu Dokumentasi, Permuafakatan Antara Sekolah-Ibu Bapa dan Pemantapan Disiplin telah mencapai kesepakatan pada peringkat tahap kesepakatan yang tinggi dan sangat setuju bagi dijadikan strategi untuk proses pelaksanaan, seterusnya menyumbang kepada pengurusan disiplin murid secara.

(C) *Kepimpinan*

Kajian ini menemui majoriti peserta kajian telah bersepakat untuk mencadangkan subtema kepimpinan sebagai sebahagian daripada faktor penyumbang kepada kepimpinan yang cekap dan berkesan dalam menguruskan disiplin murid. Dalam membincangkan subtema kepimpinan, majoriti peserta kajian dan juga Harris (2003) dan Joyce et al. (1999) bersetuju bahawa kepimpinan guru untuk tujuan penambahbaikan dalam proses pengajaran & pembelajaran guru. Murid perlu diberi peluang untuk meneruskan pembelajaran bagi mewujudkan komuniti pembelajaran seumur hidup. Implikasinya, guru berupaya untuk mengubah kepercayaan, sikap serta tingkah laku rakan sebaya yang lain untuk berubah disamping meningkatkan profesionalisme keguruan bersama rakan sejawat, warga sekolah yang lain dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran secara cekap dan berkesan di sekolah (Gray et al. 2001).

Seterusnya, subtema Kepimpinan turut disepakati oleh majoriti panel pakar untuk menyetujuinya bagi dijadikan faktor penyumbang kepada pengurusan disiplin murid. Tahap kesepakatan yang tinggi terhadap strategi ke-1, 2, 3, 4, 5, dan 6 telah bermula sejak sesi pusingan kedua dan berlanjutan sehingga

sesi pusingan ketiga. Pandangan mereka tidak berubah sepanjang sesi pusingan kajian Delphi. Pada sesi pusingan ketiga, majoriti peserta kajian telah mencapai tahap kesepakatan yang tinggi apabila nilai skor JAK=0 dan M=5. Secara keseluruhannya, kesemua strategi seperti berikut telah disepakati untuk sangat bersetuju bagi dijadikan faktor penyumbang kepada pelaksanaan kepimpinan pengurusan sekolah yang cekap dan berkesan. Murid mempunyai *role model* seperti guru, pengetua dan guru besar serta mengamalkan nilai murni yang menjadi ikutan seluruh warga sekolah agar pengurusan disiplin murid menjadi lancar. Dapatan kajian ini menyamai pandangan Gotterfedson et al. (1989) yang menjalankan kajian di Carolina Selatan, Amerika Syarikat mendapati kepimpinan sekolah yang stabil dan suka membantu adalah faktor penentu kejayaan sesuatu program disiplin. Zaidah Mustafa (2005) dan Md.Shukri Daud (2002) juga menyetujui pandangan di atas dengan menyatakan kejayaan pengurusan sesebuah sekolah terletak kepada kualiti kepimpinan pentadbir atau pengetua. Mereka mampu mempengerahui guru dan murid dalam pengurusan disiplin dan mematuhi disiplin sekolah. Akta pelajaran 1961 juga telah mengariskan pengetua adalah bertanggungjawab pentadbiran sekolahnya. Hussein Mahmood (1997) juga menyetujui pendapat di atas iaitu kepimpinan pengetua atau guru besar bertanggungjawab dalam mengadakan falsafah, matlamat dan objektif sekolah, membimbing guru meningkatkan kecekapan mereka dalam pengajaran dan lain-lain bidang kurikulum.

Selanjutnya, kajian ini mendapati kesemua strategi yang dicadangkan telah mencapai kesepakatan pandangan untuk sangat menyetujuiya bagi dijadikan kandungan profil pengurusan murid secara cekap dan berkesan. Strategi terbabit membabitkan satu subtema iaitu Kepimpinan telah mencapai kesepakatan pada peringkat tahap kesepakatan yang tinggi dan sangat setuju bagi dijadikan strategi bagi kepimpinan sekolah yang cekap dan berkesan.

(D) *Pengawalan*

Pengawalan pula melibatkan proses memerhati atau menyemak sesuatu perkara dari masa ke semasa agar hasilnya adalah memenuhi kehendak yang diinginkan oleh pihak yang berkepentingan. Dalam usaha menangani masalah disiplin murid, pelbagai strategi boleh digunakan. Tokoh pendidikan telah mencadangkan penggunaan peneguhan positif dalam usaha menangani masalah disiplin. Di antara peneguhan terbabit termasuklah peneguhan sosial, peneguhan aktiviti serta pemberian ganjaran. Peneguhan sosial ialah pujian serta penghargaan, peneguh aktiviti pula merupakan aktiviti yang diminati oleh murid seperti bermain di padang serta masa rehat yang panjang. Manakala pemberian ganjaran adalah hadiah yang boleh digunakan bagi meningkatkan kekerapan tingkah laku murid yang diinginkan.

Usaha menangani masalah disiplin murid tidak hanya berasaskan kawalan dan hukuman tetapi harus mempunyai unsur kemesraan guru, pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran yang menarik, pemberian galakan dan ganjaran bagi tingkah laku yang baik (Eng, 2008). Kajian ini mendapati majoriti peserta kajian telah bersetuju untuk menyetujui aktiviti pengawalan dilaksanakan oleh pengetua, guru besar dan ketua disiplin terhadap pengurusan disiplin murid setiap masa. Kesepakatan pandangan tersebut menyamai pandangan Eng (2008) yang berpendapat adalah menjadi tanggungjawab pengetua atau guru besar untuk memantau hal dan program yang berkaitan disiplin di sekolah, kerana disiplin yang baik mempunyai kolebrasi dengan pencapaian akademik yang baik di sekolah.

Selain itu, buku bertajuk Panduan Tatacara untuk Guru Besar dan Guru (1988) dengan jelas menegaskan bahawa guru besar atau pengetua adalah orang yang bertanggungjawab menjaga disiplin sekolah. Bagi subtema Legaliti, didapati kesemua strategi telah mencapai tahap kesepakatan yang tinggi bermula pada sesi pusingan kedua dan berterusan sehingga sesi pusingan ketiga. Begitu juga dengan strategi tambahan tersebut telah dicapai bermula pada sesi pusingan ketiga dan ini bermakna majoriti peserta kajian telah bersetuju untuk sangat menyetujui strategi terbabit sebahagian daripada faktor penyumbang bagi pengawalan untuk pengurusan disiplin murid apabila nilai skor JAK=0 dan M=5 telah dicapai. Tindakan menghukum murid perlu dibuat berdasarkan prosedur dan kategori kesalahan untuk

mengelakkan sebarang tindakan undang-undang jika prosedur tidak dipatuhi. Setiap tindakan yang diambil adalah selari dengan arahan dalam surat pekeliling ikhtisas. Kesepakatan tersebut telah menyamai pandangan Wolfgang (1995) yang mengatakan jika peraturan tidak diikuti, maka guru mempunyai kuasa untuk menjatuhkan hukuman. Dapatan kajian juga menyamai pandangan Hee (2000) iaitu polisi disiplin sekolah dan peraturan perlu difahami dan dipatuhi agar tindakan yang di ambil jika melanggar peraturan tidak dipertikaikan oleh warga sekolah, ibu bapa dan komuniti. Raja Shahdan, Raja Ibrahim (2001) dan Ahmad Kilani Mohamed (2003) bersetuju dengan dapatan di atas iaitu bila murid melakukan kesalahan, hukuman yang terbaik adalah menyedarkan mereka tentang kesilapan mereka kerana hukuman yang dikenakan bertujuan mendidik dan memperbaiki personaliti mereka.

Selanjutnya, kajian ini turut mendapati wujudnya kesepakatan yang tinggi dalam kalangan majoriti peserta kajian untuk menyetujui bahawa Akauntabiliti merupakan sebahagian daripada proses pengawalan untuk pengurusan disiplin murid. Gambaran dapatan tersebut ditunjukkan menerusi tahap kesepakatan yang tinggi terhadap strategi ke-1, 2, 3, 4, 5, 6, 7 dan 8 yang bermula pada sesi pusingan kedua kajian Delphi dan berlanjutan sehingga sesi pusingan ketiga. Begitu juga dengan strategi ke-9, 10 dan 11, kesepakatan yang tinggi terhadap strategi tambahan tersebut telah dicapai bermula pada sesi pusingan ketiga. Situasi tersebut menunjukkan bahawa majoriti peserta kajian telah bersepakat untuk menyetujui strategi tersebut dijadikan faktor untuk mengawal disiplin sekolah melalui akauntabiliti.

Dapatan kajian menyamai pandangan Fooi (2005) dan Futterstock (1992) dalam Johan Kandis (2004) iaitu guru harus tahu tanggungjawab beliau sebagai seorang pendidik dan memahami kerjaya sebagai seorang guru.

Seterusnya, kajian ini mendapati kesemua strategi yang dicadangkan termasuk strategi tambahan telah mencapai tahap kesepakatan pandangan untuk sangat menyetujuinya bagi dijadikan profil pengurusan disiplin murid secara cekap dan berkesan. Strategi berikut dikategorikan dalam strategi berikut iaitu Legaliti dan Akauntabiliti didapati telah disepakati pada peringkat tahap kesepakatan yang tinggi dan sangat setuju bagi dijadikan strategi untuk mengawal disiplin murid secara cekap dan berkesan.

Pada peringkat ini, kajian Delphi tiga pusingan telah dijalankan bagi mencapai tahap kesepakatan pandangan di kalangan sekumpulan individu tempatan yang mempunyai kepakaran yang tinggi dalam bidang pengurusan disiplin murid. Ia bertujuan mengenal pasti ciri-ciri utama dan strategi untuk menguruskan disiplin murid. Pada sesi pusingan ketiga kajian Delphi, majoriti pakar kajian telah bersepakat pada tahap yang tinggi untuk menyetujui empat ciri utama pengurusan disiplin murid dan dua ratus tiga belas strateginya yang dikategorikan dalam ciri-ciri utama tersebut iaitu Perancangan, Pelaksanaan, Kepimpinan dan Pengawalan.

Secara keseluruhannya, gaya pandangan pakar kajian yang melibatkan aktiviti untuk memperolehi dapatan kajian Delphi dalam sesi pusingan ketiga adalah seperti berikut iaitu:

- Kesepakatan pandangan yang tetap dan tidak berubah dalam setiap sesi pusingan kajian Delphi
- Pandangan berubah ke arah lebih sepakat dan semakin mencapai tahap-tahap kesepakatan dan persetujuan yang tinggi
- Pandangan berubah ke arah semakin kurang sepakat dan semakin mencapai tahap-tahap kesepakatan dan persetujuan yang semakin lemah.

Gaya pandangan mereka di atas mungkin berpunca daripada prosedur kajian Delphi yang sistematik iaitu setiap pernyataan baru perlu berasaskan maklum balas mengenai dapatan data dalam sesi pusingan terdahulu. Ia merangkumi ulasan, cadangan pakar serta keputusan pengiraan terhadap skor JAK dan median. Ringkasnya, peserta kajian mengubah pandangan mereka terhadap pernyataan (item) yang diajukan setelah menilai semula maklum balas dalam sesi pusingan terdahulu. Lantaran itu, teknik Delphi sebanyak tiga pusingan berjaya mencapai tahap kesepakatan pandangan dalam kalangan majoriti

peserta kajian yang berjaya merekabentuk profil pengurusan disiplin murid dan menyelesaikan isu yang telah dikenalpasti.

IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN

Dapatan kajian Delphi berupaya membentuk sebuah profil pengurusan disiplin murid berdasarkan konteks di Malaysia menerusi kesepakatan yang tinggi dalam kalangan panel pakar. Sewajarnya sebelum sesuatu keputusan di buat, maka pandangan pakar dalam sesuatu bidang perlu diambil kira. Profil yang dibina ini seharusnya dijadikan garis panduan dan penanda aras untuk mewujudkan sebuah profil pengurusan disiplin murid yang cekap dan berkesan untuk kegunaan sekolah di Malaysia.

Dapatan kajian menunjukkan kecekapan pentadbir sekolah menguruskan disiplin murid harus berlandaskan aspek perancangan, pelaksanaan, kepimpinan dan pengawalan agar disiplin murid dapat diawasi dan diselia dengan sempurna setiap masa. Program peningkatan disiplin murid dirancang, dilaksana, dipantau dan dikawal secara sistematik serta berterusan oleh pihak pengurusan sekolah. KPM perlu tegas dalam merancang strategi untuk memperkasakan disiplin. Kerjasama ibu bapa, komuniti penting dalam kawalan dan pengurusan disiplin murid di luar waktu sekolah.

Pihak sekolah harus menerangkan hal berkaitan disiplin sekolah semasa perhimpunan sekolah serta menampal peraturan di tempat strategik. Mengadakan bengkel atau kursus untuk memantapkan disiplin murid. KPM harus menyediakan latihan berkala bagi guru disamping mengemas kini program latihan agar sesuai dengan kehendak semasa. Tindakan hukuman haruslah mengikut prosedur dan kategori seperti yang terdapat dalam Surat Pekeliling KPM.

KESIMPULAN

Kajian ini dilaksanakan untuk membentuk sebuah profil pengurusan disiplin murid berdasarkan konteks Malaysia yang masalah, keinginan dan pembangunannya mungkin berbeza dengan konteks di tempat lain. Profil yang dibangunkan ini diharapkan mampu membantu pihak yang berkepentingan untuk mengawal disiplin murid daripada terus merosot dan menyumbang kepada masalah sosial yang lebih besar. Pendidikan merupakan kesinambungan serta matlamat sesebuah negara. Lantaran itu, sekolah adalah agen sosialisasi dan perubahan yang utama dalam menyemai dan memupuk nilai-nilai murni dalam diri seseorang murid. Melalui kawalan disiplin yang baik, ia berupaya mewujudkan suasana sekolah yang harmoni dan selamat bagi semua pihak. Disiplin merupakan latihan yang diberikan kepada murid supaya tindakan, kelakuan mereka bersesuaian dengan peraturan di rumah, sekolah dan masyarakat (Omardin Ashaari, 2007). Justeru, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk merekabentuk sebuah profil amalan terbaik untuk menguruskan disiplin murid. Data yang dikutip menerusi kajian Delphi adalah berdasarkan pandangan sekumpulan sembilan orang pakar tempatan. Dapatan tersebut telah mengenalpasti empat ciri utama pengurusan disiplin murid dan dua ratus tiga belas strategi untuk mencapai ciri-ciri tersebut. Ciri-ciri utama terdiri daripada pengawalan, pelaksanaan, kepimpinan dan penilaian.

Dapatan kajian mendapati perancangan adalah penting dalam melaksanakan sesuatu program. Perancangan yang baik oleh pihak sekolah harus melibatkan struktur pengurusan, juga sebarang perancangan program haruslah mengambilkira tahap kemampuan seseorang murid. Misi dan visi sekolah harus dijelaskan sejelas-jelasnya dan dikongsi dengan semua warga sekolah, ibu bapa dan komuniti amnya. Polisi disiplin harus dijelaskan kepada murid, warga sekolah dan ibu bapa pada awal tahun, dan harus diingatkan selalu kepada murid. Pelaksanaan pula melibatkan aspek dokumentasi iaitu sistem fail yang amat penting dalam mengawal disiplin murid. Setiap pergerakan murid akan dicatat dan direkod jika mereka melakukan kesalahan agar mereka tahu menghormati peraturan yang digubal untuk keselamatan dan kesejahteraan mereka semasa di sekolah. Hubungan yang mesra antara

sekolah-ibu bapa penting agar setiap program yang dilaksanakan mendapat kerjasama semua pihak. Kepimpinan bukan sahaja melibatkan pihak pentadbir dan guru, malahan murid turut dilibatkan untuk pelaksanaan tugas yang lebih berkesan. Aspek pengawalan merupakan aspek terakhir yang mampu mengawal keadaan disiplin murid di sekolah. Kerjasama semua pihak amat perlu agar murid mampu belajar degan selesa dan berasa selamat di sekolah.

Daripada kajian yang dilaksanakan, diharapkan dapatannya berupaya menyumbang kepada khazanah pendidikan. Justeru itu, pihak yang berkepentingan dalam pengurusan murid khususnya dan pendidikan amnya dapat mengambil tindakan yang sewajarnya berkaitan dengan pengurusan disiplin murid.

RUJUKAN

Abdullah Sani Yahya. (2005). *Mengurus Hal Ehwal Pelajar*. Selangor: PTS Publication.

Abdullah Sani Yahya. (2005). *Mengurus Disiplin Pelajar*. Selangor: PTS Publication.

Alias Musa. (2005). *Persepsi Guru Terhadap Masalah Salah Laku Di Kalangan Murid Tahap Dua di Sebuah Sekolah Rendah Di Daerah Gombak, Selangor*. Sarjana Pendidikan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Ary, D., Jacobs, L.C., & Razavieh, A. (2004). *Introduction to research in education*. Australia: Wadsworth, Thomson Learning.

Azizah Lebai Nordin.(2002). Keakraban remaja dengan keluarga, guru dan sekolah dan kaitannya dengan masalah disiplin. *Jurnal pendidikan*, Jilid 22, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. (111-123).

Azizah Lebai Nordin. (2002). *Masalah Disiplin di Kalangan Remaja Tingkatan Empat di Kuala Lumpur*. Tesis PhD yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Faridah Abdullah (2005). *Jangkaan masa depan terhadap aplikasi teknologi dalam kandungan kurikulum dan penilaian sekolah menengah: Satu Kajian Delphi*. Kertas projek yang tidak diterbitkan. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

Gay, L. R., & Airasian, P. (2000). *Educational research: competencies for analysis and application (6th ed)*. New Jersey: Merrill.

Kamsiah Salleh @ Yong. (2005). *Pengurusan disiplin di sebuah sekolah di daerah Kuala Terengganu*. Disertasi yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (1975). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 9: Disiplin di Sekolah, Peraturan-peraturan Sekolah untuk Murid-murid*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1983). *Panduan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar dan Guru*. Kuala Lumpur.

Kementerian Pelajaran Malaysia. (1988). *Panduan Tatacara Disiplin Sekolah untuk Guru Besar dan Guru*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2001). *Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 9: Pemantapan Pengurusan Disiplin di Sekolah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008). *Panduan dan Tatacara Disiplin Sekolah Untuk Guru Besar dan Guru*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kendall, D. (2001). *Sociology in Our Times*. (3rd ed). United States: Wadsworth.
- Khatijah P.Konyalan (2006). *Pelaksanaan penilaian kendalian berasaskan sekolah pada masa depan bagi mata pelajaran Sejarah: jangkan pakar*. Kertas Projek yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kruse, K. (2006). Introduction to instructional design and the ADDIE Model. *Journal of instructional Development* 2(3), 16-29. Dimuat turun pada 13 Julai 2009 daripada http://www.e-learningguru.com/articles/arts_1.htm.
- Fraenkel, J.R., & wallen, N.e. (2006). *How to design and evaluate research in education (6th ed)*. New York: McGraw Hill .
- Ludwig, B. (1997). Predicting the future: have you considered using the Delphi methodology? *Journal of Extension*, 35(5), 233-239. Dimuat turun pada 22 Disember 2009 daripada <http://www.joe.org/joe/1997october/tt2.html>.
- Martino, J.D. (1983). *Technologies forecasting for decision making*. New York: American Elsevier Publishing Company Inc.
- McNamara, C. (2004). *Guidelines and Framework for designing basic logic model*. Tesis kedoktoran yang tidak diterbitkan, California State University, Los Angeles. Dimuat turun pada 3 Mac 2009 daripada http://www.managementhelp.org/hp_progs_mod/org_fim.htm.
- Merriam, S. B. (1998). *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco: Jossey-Bass
- Molenda, M. (2003). The ADDIE Model dalam A.Kovalchick, & K.Dawson (Eds.), *Educational technology : An Encyclopedia . Performance Improvement*. 42(5), 43-49. Dimuat turun pada 29 Mei 2009 daripada <http://www.indiana.edu/emolpage/in%20Search>
- Mohd Saleh Lebar. (1998). *Pengenalan ringkas sosiologi sekolah dan pendidikan*. Batu Caves: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- Muhammad Faizal Bin Abd Ghani. (2007). *Pembentukan model keberkesanan dan penambahbaikan sekolah Malaysia*. Disertasi doktor falsafah yang tidak diterbitkan. Kuala Lumpur: Universti Malaya.

- Omardin Ashaari. (*Pengurusan Sekolah: Suatu Panduan Lengkap*). Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distribution Sdn.Bhd.
- Patton, M. Q. (2002). *Qualitative research and evaluation methods*. London: Sage Publications.
- Richard, L. Daft. (2003). *Organization Theory and Design*. 8th edition. California: South-Western College Pub.
- Sackman, H. (1975). *Delphi Technique: Expert opinions, forecasting and group process*. Lexington, MA: Lexington Books.
- Saedah Siraj. (2008). *Kurikulum masa depan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Suffean Hussin. (1996) *Pendidikan di Malaysia—sejarah, sistem dan falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zikmund, W. (2003). *Business research method (7th ed)*. Ohio: Thompson Learning.